

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : YB TUAN ANYI NGAU [BARAM]

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan program belia serta penyediaan kemudahan sukan di kawasan luar bandar demi kebaikan golongan belia luar bandar. Nyatakan bentuk kerjasama Kementerian dengan Kementerian Pendidikan jika ada.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan (KBS) sememangnya mempunyai perancangan untuk menyediakan kemudahan dan fasiliti sukan yang berkualiti kepada rakyat secara berperingkat di luar bandar khususnya dalam Rolling Plan Keempat (RP4) Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11). Penyediaan ini juga tertakluk kepada permohonan yang dikemukakan dengan mengambil kira kesesuaian lokasi, kepadatan penduduk dan jumlah peruntukan yang dipohon untuk memastikan projek dan fasiliti sukan yang dibina dimanfaatkan sepenuhnya. Selain itu, penekanan turut diberikan kepada naik taraf fasiliti yang berada di kawasan luar bandar untuk ditambah skop lampu limbah agar dapat digunakan pada waktu malam sekali gus dapat digunakan oleh penduduk di kawasan tersebut dan secara tidak langsung mampu untuk mengelakkan belia dan anak muda daripada terlibat dengan gejala sosial.

2. *Taskforce* yang diketuai oleh KPM mengenai Peluasan Akses Kemudahan Sukan kepada Komuniti masih dalam peneitian mengenai perancangan kemudahan dan fasiliti sukan.

Sekian, terima kasih.